

# Risiko kahwin pada usia terlalu muda

BH  
17/12/14  
ms 7

» Individu nikah awal boleh terdedah masalah kesihatan, ganggu peluang pendidikan lebih tinggi

Oleh Sophia Ahmad  
sophia@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**R**akyat Malaysia kini semakin cenderung berkahwin pada usia muda, sekali gus mendedahkan mereka kepada risiko kesihatan dan kesejahteraan hidup.

Penyelaras Residen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di

Malaysia, Michelle Gyles-McDonnough, berkata perkahwinan pada usia terlalu muda juga boleh mengganggu persekolahan, sekali gus menjejaskan peluang mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Beliau berkata, kahwin muda juga boleh merencatkan usaha kerajaan melahirkan lebih ramai tenaga mahir untuk Malaysia muncul sebagai negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

“Perkahwinan pada usia terlalu muda juga menafikan hak pasangan terbabit untuk menyerlahkan potensi diri masing-masing.

## Rekod terbanyak

“Pasangan muda berhak mendapat pilihan yang lebih baik untuk mereka,” katanya pada majlis pelancaran laporan kedudukan populasi dunia di sini, semalam.

Laporan bertajuk ‘Kuasa 1.8 bilion: Remaja, Belia dan Transformasi Pada Masa Hadapan’ itu menunjukkan 1.8 bilion penduduk dunia terdiri daripada go-

longan muda berusia 10 hingga 24 tahun.

Mengulas lanjut Gyles-McDonnough berkata, jumlah itu adalah terbanyak yang pernah direkodkan.

“Mereka ini adalah generasi yang lebih sihat, lebih berpendidikan dan lebih berhubungan berbanding generasi terdahulu.

“Di tangan merekalah terletak keupayaan dan potensi untuk kuasa transformasi yang lebih berkesan,” katanya.

Beliau bagaimanapun memberi amaran, amalan berkahwin muda antara cabaran yang perlu dihadapi.

Cabaran lain, termasuk kehamilan remaja, pengangguran dan gejala sosial lain yang lahir dari perhubungan bebas tanpa kawalan.

Terdahulu dalam ucapannya, Gyles-McDonnough berkata statistik pada 2010 menunjukkan 1.4 peratus atau 80,000 wanita berkahwin adalah lingkungan usia 15 hingga 19 tahun, manakala lelaki berjumlah 70,000.



“Perkahwinan pada usia terlalu muda juga menafikan hak pasangan terbabit untuk menyerlahkan potensi diri masing-masing”

**Michelle Gyles-McDonnough,**  
Penyelaras Residen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Malaysia